

Kena selalu kemas kini laman web

Kota Kinabalu: Jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini perlu mengemas kini laman web masing-masing sekerap mungkin bagi memastikan tiada maklumat basi yang boleh mengelirukan orang ramai.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN), Dr Mingu Jumaan (**gambar**), berkata pihaknya sentiasa memantau laman web setiap jabatan dan agensi kerajaan negeri, termasuk pejabat daerah bagi memastikan kandungannya bersesuaian dengan keadaan semasa.

Beliau berkata, jabatan

atau agensi yang gagal mengemas kini laman web dalam tempoh tertentu akan diminta berbuat demikian bagi membolehkan orang ramai mendapat maklumat tepat.

Wujud 200 laman web

"Ketika ini ada kira-kira 200 laman web berkaitan kerajaan di negeri ini termasuk yang dikendalikan pejabat daerah yang boleh diakses dalam internet.

"Selain JPKN, laman web berkenaan turut dipantau Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan

Malaysia (MAMPU).

"Jika ada laman web dikesan tidak dikemas kini, kita akan memaklukkannya kepada Ketua Pegawai Maklumat (CIO) jabatan atau agensi berkenaan untuk membuat pengemaskinian," katanya.

Perlu patuhi piawaian

Beliau mengulas keadaan beberapa laman web milik jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini yang jarang dikemas kini menyebabkan maklumat dipapar tidak bersesuaian dengan keadaan semasa.

Selain dikemas kini, Dr



Mingu berkata, setiap laman web milik jabatan dan agensi kerajaan perlu mematuhi piawaian ditetapkan JPKN serta MAMPU.